

18 JUN 1997

PROTON AKAN MULA DIJUAL DI LUBNAN SEPTEMBER INI

Oleh: Mokhtar Hussain

BEIRUT, 18 Jun (Bernama) -- Perusahaan Otomobil Nasional Bhd (Proton) menandatangani perjanjian pengedaran dengan Malaysia Lebanese Trading House Ltd (MLTH) di sini, dan menjadikan negara Asia Barat itu sebagai pasaran kereta Proton yang ke-44 di seluruh dunia.

Jualan itu akan dilancarkan di Beirut pada September ini.

Upacara menandatangani perjanjian itu disaksikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang sedang dalam rangka lawatan rasmi selama tiga hari di sini.

Pengerusi Proton, Datuk Mohd Saleh Sulong, menandatangani perjanjian itu bagi pihak syarikatnya manakala MLTH diwakili oleh pengerusi eksekutif Datuk Mohamad Al Ozeir.

Di kawasan Asia Barat sekarang, Proton kini berada di atas jalan raya di Arab Saudi, Emiriyah Arab Bersatu, Qatar, Oman, Kuwait, Jordan dan Bahrain.

Jualan Proton di pasaran Malaysia dan luar negara berjumlah lebih satu juta unit.

Jumlah eksport terkumpul terbarunya sejak memulakan eksport pada 1987 adalah 150,000 unit dengan United Kingdom menjadi pasaran luar negara terbesar bagi Proton.

Model yang akan diedarkan ke Lubnan adalah jenis 1300 cc hingga 1800 cc sedan dan hatchback.

Sementara itu, Premier Equity (Cayman) Ltd, konsortium lima pemegang saham telah memasuki perjanjian jualan dengan Syarikat Lubnan bagi Pembangunan dan Penyusunan Semula Daerah Pusat Beirut S.A.L (Solidere) bagi pembelian sebidang tanah utama di Minet El Hosn di bandar itu.

Lima pemegang saham lain adalah Berjaya Land Bhd, Dijaya Corporation Berhad, Transwater Corporation Bhd, MWE Holdings Bhd dan Penas Holdings Sdn Bhd.

Tanah itu mempunyai kawasan permukaan rata seluas 8,000 meter persegi dengan kawasan bersih pembinaan seluas 24,000 meter persegi.

Premier Equity bercadang untuk membangunkan hotel lima bintang/pangsapuri perkhidmatan di tanah itu. Keseluruhan kos projek di rantau itu dianggarkan berjumlah AS\$65 juta (RM163 juta).

Pengerusi yang juga Ketua Pegawai Eksekutif syarikat Berjaya Group Tan Sri Vincent Tan melawat Solidere pada bulan lalu ketika beliau mengadakan rundingan yang mencapai kejayaan dengan pengerusi Solidere Dr Nasser Chammaa.

"Kami adalah kumpulan perniagaan pertama dari Malaysia dan juga Asia yang membuat pelaburan besar di Lubnan dan kami gembira memperolehi peluang untuk melabur dalam sektor hartanah yang strategik dan bernilai di Daerah Pusat Beirut," katanya. -- BERNAMA

MOK ZK/sia